

01/03/2003

PM tinjau projek Harbour Park Langkawi

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tiba di sini untuk lawatan kerja dua hari petang semalam melawat projek pembangunan di Pantai Kok untuk meninjau tahap kemajuan projek Harbour Park Langkawi.

Perdana Menteri menaiki kapal layar Sean Paquito II, milik empat warga Belanda yang berlabuh di marina itu sambil mendengar taklimat pembangunan

projek oleh perunding projek yang juga pelayar negara, Datuk Azhar Mansor.

Projek bernilai RM40 juta itu dibangunkan berdasarkan konsep Mediterranean yang antara lain mengandungi marina yang boleh memuatkan 100 kapal layar pada satu-satu masa.

Pelbagai kemudahan lain seperti hotel, butik dan apartmen dibangunkan di kawasan seluas 12 hektar itu.

Perdana Menteri yang diiringi Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed

Zain kemudian menaiki bot meninjau dua pulau buatan yang digunakan untuk memecah ombak di Pantai Kok.

Sebelum menaiki bot berkenaan, beliau ditunjukkan ciptaan terbaru sebuah

jeti mini mudah alih diperbuat daripada aluminium untuk digunakan sebagai

jeti penumpang naik ke bot dari daratan.

Sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi kira-kira jam 5.50 petang, sebelum itu, Dr Mahathir bersama isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali sempat mengucapkan tahniah kepada Pengetua Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Bitara Langkawi, Ikram Abdullah berikutan kejayaan MRSM

itu muncul maktab terbaik seluruh negara bagi peperiksaan Sijil Pelajaran

Malaysia (SPM) 2001.

Hari ini Dr Mahathir dijadual merasmikan Langkawi Lagoon Resort, sebuah

hotel bertaraf lima bintang milik pemaju hartanah, MK Land Holdings Berhad

(MK Land).

Sebelum itu, beliau dijadual melepaskan peserta pertandingan memancing Joran Perdana MK Land dengan kerjasama Unit Joran Berita Harian, di benteng pemecah ombak, bersebelahan hotel berkenaan.

Dr Mahathir kemudian akan merasmikan projek pecah tanah menaik taraf Langkawi Underwater World di Pantai Cenang.